

50 keluarga dipelawa sertai projek kompos sampah

PETALING JAYA - Seramai 50 buah keluarga di sekitar kawasan ini dipelawa untuk menyertai program membantu mengurangkan pembuangan sisa dari rumah melalui Projek Perintis Pengkomposan Sisa Isi Rumah 2008 bermula bulan Ogos ini.

Malah, segala peralatan akan disediakan untuk peserta serta diberi tunjuk ajar dan dilawat setiap bulan oleh pihak pengurusan program tersebut.

Projek yang sejajar dengan kempen 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*) bertujuan untuk melibatkan penyerta-

an orang awam secara langsung dalam membantu mengurangkan pembuangan sampah domestik yang kian meningkat.

Menurut Setiausaha MBPJ, Tuan Puasa Md. Taib, pihaknya terpaksa berbelanja hampir RM44 juta setahun dalam pengurusan sampah pada tahun lalu dan jumlah ini semakin meningkat saban tahun.

"Tahun lepas sahaja, jumlah sampah yang dihasilkan di kawasan ini adalah sebanyak 145 ribu tan berbanding dengan kadar kitar semula sebanyak tiga peratus sahaja.

"Dengan adanya program seperti ini, orang awam mampu memainkan tanggungjawab sosial dengan membantu mengurangkan pembuangan sisa domestik yang kian meruncing," katanya semalam.

Beliau juga menyeru penduduk di sekitar kawasan itu untuk tampil dan membantu dengan menyertai program seumpama itu agar semua pihak menikmati faedah bersama.

Ketua Perunding Inisiatif projek berkenaan, Tan Siew Luang berkata, segala sisa pembuangan makanan akan dimasukkan dalam se-

buah bekas dan ditutup menggunakan rumput untuk membolehkan pengkomposan berlaku.

"Pengkomposan mengambil masa kurang dari tiga bulan dan hasil kompos itu boleh digunakan sebagai medium dalam penanaman sayuran atau pokok bunga.

"Sekiranya projek itu berjaya, kami akan berusaha untuk melancarkannya di negeri-negeri lain supaya orang ramai boleh menolong memelihara alam sekitar," jelasnya.

Program usaha sama Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan

Centre for Environment Technology and Development Malaysia (CETDEM) itu dibiayai oleh agensi pengurusan sisa buangan, Denmark International Development Agency (DANIDA-SWMC).

Turut hadir dalam majlis semalam ialah Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr. Tan Beng Hoe, Ketua Penasihat Teknikal DANIDA-SWMC, Lb Larsen dan Pengarah Eksekutif CETDEM, Anthony Tan Kee Huat.